

## Pegawai sumber manusia kilang plastik antara ditahan

**Johor Bahru:** Tindakan pengusaha sebuah kilang plastik yang memilih jalan mudah untuk menggajikan pekerja asing tanpa kebenaran sah terbongkar hasil serbuan dijalankan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Johor di sini, Jumaat lalu.

Pengarahnya, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus berkata, hasil serbuan menerusi Ops Mahir yang dijalankan mulai jam 7 malam itu, seramai 123 pekerja asing ditahan.

Beliau berkata, operasi penguatkuasaan itu melibatkan sepasukan penguat kuasa dari Bahagian Penguatkuasa Negeri Johor bersama Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan

**“Ketika operasi dijalankan, suasana menjadi kecoh apabila sebahagian pekerja cuba melarikan diri dan bersembunyi di beberapa lokasi”**

Pengarah JIM Johor, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus

dan (AKPS).

Menurutnya, mereka dipercayai bekerja tanpa kebenaran, gagal mengemukakan dokumen sah serta melanggar peruntukan Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

“Turut ditahan seorang warga tempatan yang merupakan pegawai sumber manusia kilang terbabit.”

“Ketika operasi dijalankan, suasana menjadi kecoh apabila sebahagian pe-

kerja cuba melarikan diri dan bersembunyi di beberapa lokasi di dalam kawasan kilang.

“Namun tindakan pantas anggota penguat kuasa menghalang semua laluan keluar menggagalkan cubaan mereka untuk meloloskan diri,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, serbuan berkenaan adalah hasil pemantauan intensif selama beberapa minggu susulan maklumat dan aduan



PEKERJA asing yang bekerja tanpa kebenaran sah di sebuah kilang plastik di Johor Bahru ditahan JIM.

awam berkaitan kegiatan majikan yang dipercayai menggajikan warga asing secara tidak sah bagi mengelakkan kos penggajian lebih tinggi.

“Mereka yang ditahan terdiri daripada seorang lelaki warga Nepal, 45 lelaki Bangladesh, 23 lelaki Myanmar, tiga lelaki India, seorang lelaki Pakistan, 48

wanita Myanmar, seorang wanita Nepal dan seorang wanita India berusia dalam lingkungan 20 hingga lingkungan 48 tahun,” katanya.